



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KESINAMBUNGAN INISIATIF

KAMPUNG ANGKAT MADANI DI KAMPUNG JERANTUT FERI, PAHANG

27 APRIL 2025

Kampung Jerantut Feri, Pahang dipilih sebagai lokasi pelaksanaan inisiatif Kampung Angkat MADANI (KAM) berdasarkan keperluan sebenar penduduk yang memerlukan kemudahan asas secara menyeluruh, termasuk infrastruktur yang masih perlu diselenggara dan penaiktarafan bagi fasiliti awam yang masih daif. Pemilihan ini juga merupakan kesinambungan kepada program Santuni MADANI yang telah dilaksanakan di kampung yang sama pada tahun lalu. Pemasangan lampu-lampu solar, program gotong-royong mengecat pagar Masjid Jerantut Feri, sumbangan kelengkapan persekolahan kepada lebih 120 murid Tadika Perpaduan dan Sekolah Kebangsaan Pedah serta penyerahan benih ikan kepada 13 penternak ikan patin sangkar telah memberi manfaat kepada komuniti di situ. Namun, masih terdapat keperluan menaiktaraf kemudahan lain yang perlu dilaksanakan di kampung ini.

Melalui KAM ini, lebih banyak projek naiktaraf akan dilaksanakan seperti penyelenggaraan dan naik taraf jalan kampung, pemasangan lampu, naik taraf dan penyelenggaraan kemudahan balai raya, dewan orang ramai, gelanggang, padang futsal dan taman permainan serta peralatan bagi masjid, surau dan sekolah termasuk pembinaan dan naik taraf ruang menunggu pelajar sekolah. Ini akan memberi manfaat terus kepada lebih 4,000 penduduk Kampung Jerantut Feri. Pihak Jabatan Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) telah mengenal pasti lokasi-lokasi bagi kerja-kerja naik taraf, baik pulih dan selenggara kemudahan awam sedia ada supaya pelaksanaannya dapat dibuat dengan segera selepas ini.

Program Temu Mesra Kampung Angkat MADANI yang berlangsung pada hari ini menjadi satu langkah proaktif Kerajaan MADANI dalam memperkasa pembangunan luar bandar secara menyeluruh dan berterusan. Peningkatan aspek sosial dan ekonomi komuniti luar bandar dari program Kampung Angkat MADANI ini dapat membawa pembangunan yang inklusif, holistik dan bersifat jangka panjang kepada komuniti Kampung Jerantut Feri ini.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Jabatan Wilayah Persekutuan

27 April 2025

